

## Tinjauan Buku Fiqh Jenayah Orang Kelainan Upaya (Book Review of Fiqh Jinayah of People with Disabilities)

Anisah Razali

Pusat Penyelidikan Ibnu UMMI Maktum

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Noornajihan Jaafar

Pusat Penyelidikan Ibnu UMMI Maktum

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Mohd Nur Adzam Rasdi

Pusat Penyelidikan Ibnu UMMI Maktum

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Article Progress  
Received: 29 April 2022  
Revised: 13 May 2022  
Accepted: 27 May 2022

### Abstrak

Islam adalah bersifat sejagat, *Rabbani* dan sempurna yang datang bagi memenuhi segala lapangan kehidupan manusia dengan hukum dan pengajarannya. Setiap perkara dalam urusan dunia dan agama diterangkan dengan jelas sama ada dalam kaedah yang umum atau hukum *juz'i* yang *tafsil*. Peraturan Islam bersifat lebih tinggi daripada peraturan dan undang-undang ciptaan manusia. Hal ini turut merangkumi hukum jenayah. Islam memandang jenayah sebagai satu kesalahan yang harus dihukum kerana ia melanggar hak Allah dan hak manusia. Memandang tinggi kemuliaan agama, nyawa, akal, harta dan maruah dengan meneliti kesalahan jenayah yang dilakukan adalah merupakan tujuan undang-undang Islam. Kesalahan jenayah ini bukan sahaja melibatkan golongan tipikal bahkan juga melibatkan Orang Kurang Upaya (OKU). Fiqh jenayah menetapkan hukuman setimpal bagi pesalah supaya keadilan dapat ditegakkan. Walaupun terdapat banyak perbincangan dalam undang-undang sivil berkaitan kesalahan jenayah OKU, namun hal ini kurang diberi perhatian dalam perbincangan hukum Islam. Oleh hal yang demikian, artikel ni akan mengupas sebuah buku yang bertajuk Fiqh Jenayah OKU. Buku ini membahaskan berkaitan isu jenayah yang dilakukan oleh komuniti OKU menurut perspektif syarak dari sudut realiti OKU di Malaysia dan sejarah OKU dalam Islam. Malah turut membincangkan secara terperinci terhadap bentuk-bentuk hukuman jenayah dan keringanan syarak terhadap OKU. Diharapkan kupasan ini dapat membantu mengubah perspektif sesetengah masyarakat mengenai komuniti ini. Malah turut membuka mata kepada masyarakat mengenai bagaimana Islam sangat menyantuni dan mengambil berat komuniti OKU.

**Kata kunci:** Fiqh Jenayah, Hukuman, Orang Kurang Upaya,

### Abstract

Islam is universal, *Rabbani* and perfect came to fill all areas of human life with its laws and teachings. All matters in the affairs of religion and the world are clearly explained either in a general or a detailed method. Islamic laws are higher than any rules and laws of human creation include criminal law. Islam views crime as an offence that should be punished because it violates the rights of God and human rights. Islam values the glory of religion, life, intellect, property and dignity. Criminal offences in Islam need to examine properly. However, criminal offences are not specifically done by typical offenders but also against disabled offenders. Criminal jurisprudence prescribes appropriate punishment for offenders so that justice can be upheld without compromise. Although there is a lot of discussion in civil law regarding the criminal offenses of the disabled, it is given less attention in the discussion of Islamic law. Therefore, this article will analyse a book entitled *Fiqh Jinayah* of People with Disabilities. This book discusses the issue of crimes committed by the disabled person according to the Islamic perspective based on the actual situation in Malaysia followed by the history of the disabled in Islam. Hence, this book had discussed in detail the forms of criminal punishment and Islamic law against the disabled. This review aims to change the perspectives of some communities about this community. Therefore, it also can open the eyes of the community to how Islam is very kind and caring for the disabled community.

**Keywords:** Fiqh Jinayah, Punishment, Special Needs

## Tinjauan Buku

### Fiqh Jenayah Orang Kelainan Upaya

**Azman Ab Rahman, Norakyairee Mohd Raus, Hussein ‘Azeemi Abdullah Thaidi,  
Mohammad Naqib Hamdan**

Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2014, 122 halaman,

ISBN 978-967-440-087-3

Undang-undang jenayah syariah adalah salah satu cabang perundangan yang berteraskan wahyu yang menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai sumber rujukan utama. Islam sangat teguh dengan prinsip keadilan tanpa kompromi. Pelaku jenayah bukan sahaja terdiri daripada golongan tipikal tetapi melibatkan juga golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). OKU adalah mereka yang mempunyai kekurangan fizikal atau mental dan tidak dapat melakukan sebahagian atau sepenuhnya daripada keperluan sosialnya. Maka, Islam melihat kepada situasi dan kondisi pesalah sebelum dijatuhkan hukuman yang sesuai. Hukuman ini adalah sebagai balasan ke atas pesalah dan dijadikan pengajaran kepada orang lain. Di samping itu, prinsip jenayah Islam sangat penting bagi menjaga Maqasid Syariah dari sudut lima *daruriyat* iaitu agama, akal, jiwa, harta dan keturunan (Ahmad Murshidi Mustapha et al., 2019).

Buku berjudul Fiqh Jenayah Orang Kelainan Upaya telah memberikan tasawur yang jelas terhadap kesalahan jenayah yang dilakukan oleh OKU khususnya dalam konteks jenayah hudud. Hal ini kerana, konsep jenayahnya agak berbeza dari konsep fiqh jenayah yang asal (Azman Ab Rahman et al., 2018). Secara umumnya, bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengan golongan OKU amat kurang diterbitkan (Mohd Ashri Ismail et al., 2018). Malah Isu fiqh jenayah dalam kalangan OKU juga adalah salah satu subjek berkaitan yang juga sangat jarang diperbahaskan secara ilmiah. Antara kajian-kajian lepas yang berkaitan Jenayah OKU adalah Perbicaraan Orang Kurang Upaya (OKU): Analisis Peruntukan Undang-Undang Jenayah Syariah Malaysia (Muhammad Ariffin Surdi Roslan et al., 2021), Undang-undang Berkenaan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Perkembangan Perundungan di Malaysia (Zulazhar Tahir et al., n.d.) dan Analisis Literatur Tentang Tatacara Perbicaraan Jenayah Syariah Bagi Orang Kurang Upaya di Mahkamah Syariah (Muhammad Ariffin Surdi Roslan et al., 2021).

Pada tahun 2014, Universiti Sains Islam Malaysia telah menerbitkan sebuah buku yang berjudul Fiqh Jenayah Orang Kelainan Upaya tulisan Azman Ab Rahman, Norakyairee Mohd Raus, Hussein ‘Azeemi Abdullah Thaidi dan Mohammad Naqib Hamdan. Buku ini merupakan antara koleksi terawal penulisan fiqh OKU di Malaysia yang memperbahaskan isu-isu berkenaan. Isu yang diperbincangkan di dalam buku ini adalah sejajar dengan perjuangan pihak-pihak yang bertanggungjawab ke atas isu-isu berkaitan OKU seperti Yayasan Pendidikan Al-Quran bagi anak istimewa (FAQEH). Buku Fiqh Jenayah OKU ini adalah siri pertama bagi empat koleksi siri Fiqh OKU iaitu buku Fiqh Ibadat OKU, Fiqh Muamalat OKU dan Fiqh Munakahat OKU. Ia adalah manifestasi daripada observasi penulis terhadap situasi dan kondisi OKU yang sememangnya menghadapi masalah kekurangan fakta dan maklumat berkenaan buku-buku fiqh. Buku ini adalah hasil adaptasi dan penilaian penulis terhadap beberapa artikel ilmiah yang membincangkan permasalahan OKU secara terperinci.

Buku ini mengandungi 122 halaman. Ia dilengkapi dengan *in-text-citation* kepada setiap petikan yang dirujuk. Di akhir buku ini pula menyenaraikan 99 senarai rujukan dan senarai indeks. Merujuk kepada isi yang terdapat dalam bahagian indeks, ia dibahagikan mengikut judul buku, nama tokoh, nama tempat, dan perkataan-perkataan umum yang dikategorikan mengikut susunan abjad. Biodata penulis turut dilampirkan selepas bahagian indeks. Matlamat penulis buku ini adalah untuk

memberikan gambaran yang jelas terhadap kesalahan jenayah yang dilakukan oleh OKU khususnya dalam konteks jenayah hudud. Huraian akan memfokuskan kepada perlaksanaan hudud ke atas OKU, tujuan dan hikmah pensyariatannya. Prinsip keringanan (*al-taysir*) dan kaitannya dengan kesalahan OKU dalam hukuman hudud seperti kesalahan zina, qazaf, mencuri, minum arak, hirabah dan murtad dibincangkan menurut pandangan ulama yang muktabar.

Penulis buku terbitan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ini terdiri daripada empat orang, tiga daripadanya adalah pensyarah USIM iaitu Azman Ab Rahman merupakan Profesor di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Norakyairee Mohd Raus, pensyarah kanan dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dan Hussein ‘Azeemi Abdullah Thaidi, pensyarah kanan dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang. Seorang lagi merupakan pensyarah kanan dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) iaitu Mohammad Naqib Hamdan. Dengan pelbagai bidang pengetahuan, kelebihan dan latar belakang, mereka berkongsi idea dan kepakaran masing-masing dalam merealisasikan buku ini. Beberapa kajian yang telah ditulis berkaitan OKU oleh mereka antaranya ialah Isu Fiqh Jinayat Golongan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Hukum (2018), Kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) Sebagai Asnaf Ar-Riqab Di Malaysia (2018) dan Pendidikan Al-Quran Bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) (2019). Ketokohan mereka dalam menulis buku Fiqh OKU ini tidak dipertikai bahkan mereka layak membincangkan perkara ini dikala para agamawan **lain** jarang memperjelaskan topik ini secara ilmiah.

Buku ini mengandungi empat bab, dimulai dengan penghargaan daripada penulis buku diikuti dengan sekapur sirih oleh Sahibus Samahah Datuk DR Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan pada ketika itu. Seterusnya, kata pengantar oleh Mohd Zaini Mat Abas, mantan Pengerusi FAQEH dan juga prakata yang ditulis oleh penulis buku ini. Setiap bab diletakkan nombor di awal tajuk dan tajuk tersebut ringkas dan padat. Buku yang membincangkan hukum-hakam fiqh ini telah disusun menjadi empat bab. Pertamanya, perkembangan OKU di Malaysia. Bab ini menguraikan definisi, kategori serta penentuan perundangan OKU dengan penumpuan khusus terhadap realiti di Malaysia. Dapat dirumuskan OKU adalah kelompok minoriti dalam masyarakat yang menghadapi ketidakupayaan dari segi fizikal dan mental. Terdapat 7 kategori bagi OKU mengikut tahap kecacatan yang dialami iaitu Kurang Upaya Fizikal, Kurang Upaya Pendengaran, Kurang Upaya Pertuturan, Kurang Upaya Penglihatan, Kurang Upaya Mental, Masalah Pembelajaran dan Kurang Upaya Pelbagai. Ia juga mengemukakan analisis histori dengan penjelasan ringkas tentang sejarah OKU di Malaysia.

Bab kedua membincangkan tentang OKU menurut perspektif Islam. Ia dimulakan dengan perbahasan *al-i’aqah* kemudian disusuli dengan perbincangan kedudukan OKU dalam sejarah Islam secara umum. Perbincangan diteruskan dengan penekanan terhadap bagaimana Islam mengambil berat dan menyantuni golongan OKU. Perbincangan ini amat penting bagi tujuan membuang stigma negatif yang sering berlaku dalam masyarakat Malaysia. Di akhir bab dua, perbincangan lebih fokus kepada konsep OKU menurut perspektif Islam dan galakan Syariat agar masyarakat menghormati dan sentiasa membina hubungan yang baik dengan OKU.

Bab ketiga mengemukakan perbahasan mengenai konsep jenayah menurut Islam, kategorinya dan perbezaaan dengan *jarimah*. Bab ini menyentuh secara umum tentang hukuman menurut perspektif Islam. Bab keempat membawakan perbahasan yang agak mendalam dan amat penting iaitu dalam perlaksanaan hudud. Namun, fokus diberikan kepada implementasi hudud ke atas OKU. Ia dimulakan dengan huraian asas pelaksanaan hudud ke atas OKU serta tujuan dan hikmah pensyariatannya. Seterusnya bab ini menerangkan tentang prinsip keringanan (*al-taysir*) dan perkaitannya dengan OKU. Di akhirnya, bab ini menghuraikan tentang hukuman hudud ke atas OKU untuk kesalahan mencuri, zina, minum arak, qazaf, murtad dan hirabah.

Buku Fiqh Jenayah OKU memfokuskan kepada perlaksanaan hukuman hudud ke atas OKU di Malaysia. Setiap berbincangan dalam semua bab mengambil kira pendekatan Islam dalam berinteraksi dengan golongan OKU. Sebagai salah satu daripada koleksi buku fiqh, keseluruhan koleksi buku ini disokong dengan dalil-dalil al-Quran dan Sunnah. Majoriti ayat-ayat tersebut diletakkan nombor surah dan nombor ayat. Manakala hadis-hadis yang terdapat di dalam buku ini, dinyatakan sama ada penuh dalam matan bahasa Arab, terjemahan sahaja dan ada juga yang hanya dinyatakan maksud daripada hadis tertentu. Semua hadis dalam buku ini dinyatakan sumber tetapi tidak dinyatakan statusnya. Oleh yang demikian, terdapat pelbagai hadith yang dijadikan rujukan dari pelbagai sumber di dalam buku ini. Tambahan daripada dua sumber ini, penulis juga merujuk kepada sumber rujukan barat daripada buku-buku dan artikel yang disebut di dalam beberapa bab dan boleh dirujuk melalui *in-text-citation* yang ditulis oleh penulis buku.

Antara kelebihan buku ini ialah ia menunjukkan betapa pentingnya mendidik OKU mengenai hukum-hakam dari sudut Islam dan perlunya mereka menjauhi perkara-perkara yang boleh membawa kepada dijatuhkan hukuman hudud. Tujuannya adalah untuk mengancam, mendidik serta memberi pengajaran. Pandangan-pandangan ulama dalam isu berkaitan pelaksanaan hudud ke atas OKU boleh menjadi panduan kepada masyarakat dan pihak berwajib dalam menetapkan sesuatu hukum Islam serta dapat menghapuskan stigma dan persepsi negatif terhadap OKU. Secara tidak langsung ia dapat menjelaskan tentang keindahan Islam yang sempurna dalam menjaga keadilan dan kemaslahatan sistem hidup manusia secara menyeluruh. Malah buku ini menjadi pencetus kepada masyarakat dalam memberi perhatian tentang isu ini dan pihak-pihak berwajib perlu mengetahui peranan masing-masing dalam semua aspek yang melibatkan golongan OKU dalam kebijakan mereka. Dan akhir sekali, adalah salah satu usaha permulaan dan memperkembangkan ilmu fiqh OKU khususnya di Malaysia dan dunia umumnya.

## Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) di atas pendanaan bagi kajian yang bertajuk Pembangunan Modul Pengajaran Quran Braille Rasm Uthmani di bawah Geran Penyelidikan Sepadan (Research Matching Grant) USIM - Kerajaan (USIM/PERTIS/FPQS/LUAR-K/40721).

## RUJUKAN

- Ahmad Murshidi Mustapha, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali & Mohd Kamarul Khaidzir Saadan. (2019). Kepentingan Maqasid Shari‘ah dalam Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Muwafaqat* Vol. 2, No.1, 2019, pp. 132-150. Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor.
- Muhammad Ariffin Surdi Roslan, Hasnizam Hashim, Ahmad Syukran Baharuddin, & Azman Ab Rahman. (2021). Analisis Literatur Tentang Tatacara Perbicaraan Jenayah Syariah Bagi Orang Kurang Upaya Di Mahkamah Syariah. *UUM Journal of Legal Studies*, 12(1), 247–271.
- Azman Ab Rahman, Hairul fazli Mohammad Som, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi & Muhamad Firdaus Ab Rahman. (2018). Isu Fiqh Jinayat Golongan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Hukum. *4th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2018)* Kuala Lumpur, 17 October 2018.
- Mohd Ashri Ismail, Sharil Nizam Sha’ri, Mohd Hazreen Shah Hassan & Norul Haida Reduzan. (2018). Buku Ilmiah Untuk Golongan Istimewa: Kajian Kes Di Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor. *Jurnal Sains Sosial Malaysian Journal of Social Science* Jilid 3 2018: 59-66.
- Siti Rahmah Ahmad Razuan, Norakyairee Mohd Raus, Mahyuddin Hashim & Adzam Rasdi. (2019). Pendidikan Al-Quran Bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI). *‘Abqari Journal*, 20(2), 78–98.
- Zulazhar Tahir, Sridevi Thambapillary, Jal Zabdi Mohd Yusoff Ahmad Saufi Abdul Rahman. (n.d.). Undang-Undang Berkelaan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Perkembangan Perundangan Di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14, 96–114.

Anisah Razali (Corresponding Author)  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,  
Negeri Sembilan.  
Email: [anisahrazali40@gmail.com](mailto:anisahrazali40@gmail.com)

Noornajihan Jaafar  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,  
Negeri Sembilan.  
Email: [noornajihan@usim.edu.my](mailto:noornajihan@usim.edu.my)

Mohd Nur Adzam Rasdi  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,  
Negeri Sembilan.  
Email: [nuradzam@usim.edu.my](mailto:nuradzam@usim.edu.my)